

MEMARTABATKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM UNDANG-UNDANG TANAH DI MALAYSIA

(Upholding Islamic Law and Syariah Court in Malaysian Land Law)

¹ RUSNADEWI ABDUL RASHID

¹Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA, 02600 Arau, Perlis,
Malaysia

ABSTRAK

Konflik bidang kuasa mahkamah antara Mahkamah Syariah dan Sivil dalam sistem perundangan negara bukan merupakan isu yang baru diketengahkan. Telah banyak perdebatan dan pengkajian yang dibuat oleh para penyelidik bagi membincangkan serta merungkai permasalahan ini. Walau bagaimanapun, skop penulisan artikel ini bukan untuk mengupas isu yang sama, tetapi bertujuan untuk membincangkan tentang isu bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara berkaitan hartanah orang Islam yang diberikan oleh Kanun Tanah Negara 1965. Ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan tentang pemakaian undang-undang Islam dalam sistem perundangan tanah di Malaysia. Oleh yang demikian, penulis berpendapat bahawa, usaha yang berterusan dari semua pihak terutama penggubal undang-undang, para hakim serta pengamal undang-undang adalah amat perlu bagi meneruskan misi murni ke arah meningkatkan tahap pemakaian undang-undang dalam pelbagai bidang serta mengangkat taraf Mahkamah Syariah.

Kata kunci: Mahkamah Syariah, undang-undang Islam, Kanun Tanah Negara 1965

ABSTRACT

Conflict of jurisdiction between the Syariah and Civil Courts in the Malaysian legal system is not a new issue to be discussed. This issue has been extensively debated and studied by the researchers in order to find a solution. However, the scope of this article is not to examine the same issue, but is aimed to discuss the jurisdiction conferred to the Syariah Court in matters relating to real estate of Muslim by the National Land Code 1965. It also seeks to demonstrate the application of Islamic law in the Malaysian land law. As such, the writer opines that continuous effort from

all parties especially the lawmakers, judges as well as practitioners are necessary to ensure the success of this mission.

Keywords: Syariah Court, Islamic law, National Land Code 1965

PENGENALAN

Jika dilihat dari mata kasar, kebanyakan urusan niaga di bawah Kanun Tanah Negara tidak bercanggah dengan undang-undang Islam (kecuali dalam perkara-perkara tertentu seperti yang terdapat di bawah urusan niaga gadaian yang melibatkan riba'). Sepertimana yang disuarakan oleh Abdul Aziz Bari (1997), sesuatu perkara yang tidak bertentangan dengan Islam boleh diterima pakai jika ia mendatangkan faedah dan manfaat. Pendapat ini dapat dilihat dari kenyataan yang dibuat oleh penulis tersebut dalam kertas kerja beliau yang bertajuk '*Land Law from Islamic and Traditional Perspective*' seperti berikut:

From the strict legal point of view, what is often seen as 'unislamic' may, if it is submitted, be acceptable to Islam as the religion itself seems to be accommodative enough as long as the practice concerned conforms to the spirit and dictates of Islam. As a matter of principle, as one scholar has put it, 'everything that is not prohibited is permissible' and that 'the door is wide open for the adoption of anything useful, of whatever origin, so long as it does not go against the texts of Quran and Sunnah'.

Mengambil kira bahawa kebanyakan proses yang dibuat mengikut peruntukan undang-undang tanah negara adalah harus (selagi mana tidak bercanggah dengan ajaran Islam), maka pelaksanaan undang-undang Islam dalam Kanun Tanah Negara juga dikira perlu. Selaras dengan itu, Mahkamah Syariah juga boleh berperanan melengkapkan lagi pemakaian undang-undang Islam yang bersangkutan dengan isu perundangan tanah.

SEJARAH UNDANG-UNDANG ISLAM DAN MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Undang-undang Islam

Dari sudut sejarah, undang-undang yang terpakai di Tanah Melayu iaitu undang-undang asas atau undang-undang negeri (*law of the land*) sebelum kedatangan penjajah adalah undang-undang Islam. Ini telah terbukti di dalam kes *Ramah v Laton* [1927] 6 FMSLR 128, di mana majoriti Mahkamah Agung memutuskan bahawa Undang-undang Islam bukan merupakan undang-undang asing di negeri-negeri Melayu akan tetapi ia adalah undang-undang tempatan dan undang-undang tempatan adalah perkara yang sepatutnya diberikan pengiktirafan kehakiman oleh

mahkamah. Selain itu, adat Melayu juga diserap masuk sebagai sebahagian daripada undang-undang yang dipakai. Mengikut Ahmad Ibrahim (1997), sebahagian daripada kumpulan undang-undang Melayu lama adalah seperti Undang-undang Melaka dan Undang-undang Johor. Undang-undang Johor adalah satu undang-undang Melayu lama yang diadaptasikan daripada undang-undang zaman pemerintahan Turki yang diberi nama *Majallat Al-Ahkam* dan diperkenalkan pada sekitar awal abad yang kedua puluh. Undang-undang ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan diiktiraf sebagai undang-undang yang harus dipakai di Mahkamah-mahkamah Syariah di Johor pada tahun 1914. Walau bagaimanapun, selepas kedatangan British ke Tanah Melayu, mereka telah melebarkan pengaruh mereka di semua negeri-negeri Melayu dan telah berjaya menukar sistem perundangan sedia ada dengan memperkenalkan *common law and equity*. Selaras itu, mereka telah membawa masuk undang-undang yang telah mereka gubal di negara-negara jajahan mereka seperti undang-undang kontrak dari India ke Tanah Melayu. Selain daripada itu, terdapat juga undang-undang yang diadaptasikan daripada undang-undang negara lain seperti undang-undang tanah yang berkonsepkan '*Torrens System*' yang berasal dari Australia. Kesannya, dengan tersebarnya undang-undang tersebut ke Tanah Melayu, maka Undang-undang Islam yang diamalkan dan diguna pakai sejak sekian lama telah mula diketepikan dan aplikasinya hanya terhad dalam kes-kes tertentu sahaja seperti dalam undang-undang keluarga Islam. Setelah itu, undang-undang Inggeris mula menapak kukuh di tanah Melayu dan telah menggantikan tempat undang-undang Islam.

Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah sebelum kedatangan penjajah telah dijadikan tempat bagi mendapatkan keadilan dengan kuasa rayuan diberikan kepada Sultan (Ahmad Ibrahim 1997). Walau bagaimanapun, selepas kedatangan British, mahkamah-mahkamah lain telah ditubuhkan di atas nasihat pihak berkuasa British dan Mahkamah Syariah telah diletakkan di taraf yang amat rendah dan bidang kuasanya telah dibatasi. Sebelum 1948, Mahkamah Syariah telah diletakkan di dalam struktur dan hierarki mahkamah negara bersama mahkamah yang lain. Namun dengan lulusnya Courts Ordinance 1948, mahkamah Syariah telah dipisahkan dari Mahkamah Persekutuan (Zaini Nasohah 2004). Namun selepas kemerdekaan Malaysia, status Mahkamah Syariah telah diubah menjadi mahkamah negeri-negeri. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa kuasa perundangan telah diletakkan kepada Mahkamah Persekutuan (selepas itu, pada satu ketika ia dikenali sebagai Mahkamah Agung), Mahkamah-mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Rendah (Ahmad Ibrahim 1997). Mahkamah Syariah telah sama sekali diabaikan sehingga definisi 'undang-undang' yang disebutkan di dalam akta seperti Akta Mahkamah Kehakiman dan Akta Mahkamah Rendah tidak memasukkan Mahkamah Syariah walaupun definisi ini merujuk kepada undang-undang bertulis, *Common Law* dan adat (Ahmad Ibrahim 1997). Mahkamah Syariah cuma disebut di dalam Senarai 2, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan (Ahmad Ibrahim 1997).

Kedudukan pentadbiran undang-undang di Mahkamah Syariah yang tidak memuaskan kemudiannya telah disedari oleh kerajaan dan masyarakat walaupun usaha-usaha memperkemas pentadbiran agama Islam dibuat sekitar dekad 50-an (Zaini Nasohah 2004). Seterusnya, satu buah jawatankuasa telah ditubuhkan bagi menimbang kedudukan, kuasa dan status Mahkamah Syariah dan hakim-hakim Mahkamah Syariah. Jawatankuasa tersebut akhirnya telah membuat cadangan kepada kerajaan tentang beberapa perkara. Antaranya ialah syor supaya pentadbiran Mahkamah Syariah dipisahkan daripada pentadbiran Majlis Agama Islam di negeri-negeri. Selain daripada itu, status dan bidang kuasa mahkamah juga diminta supaya diperbaiki dan ditambah (Ahmad Ibrahim 1997).

Peningkatan taraf Mahkamah Syariah dan hakim-hakimnya sampai ke kemuncaknya apabila satu pindaan yang penting telah dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan menambah Fasal (1A) kepada Perkara 121 Perlembagaan yang telah memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil dan mahkamah di bawahnya tidak mempunyai bidang kuasa di dalam mana-mana perkara yang termasuk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah (Narizan Abdul Rahman, 2006 dan Mohd Al Adib 2006). Sungguhpun kesan pindaan ini pada awalnya telah dipersoalkan, akan tetapi kesannya semakin agak ketara apabila Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa jika Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa di dalam sesuatu perkara, Mahkamah Sivil tidak lagi mempunyai bidang kuasa dalam perkara tersebut (Ahmad Ibrahim, 1989). Ini telah dibuktikan dalam beberapa kes iaitu seperti *Dalip Kaur lwn Pegawai Polis Daerah Bt. Mertajam* [1992] 1MLJ 1 dan *Mohd Habibullah lwn Faridah bt. Dato' Talib* [1992] 2MLJ 793. Penghakiman yang telah dibuat di dalam kes-kes tersebut telah menempatkan Mahkamah Syariah kepada satu buah tahap yang agak memuaskan kerana ia telah mengeluarkan mahkamah sekular (sivil) dari membicarakan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah (R.H Hickling dan Wu Min Aun 1995) sekali gus memberi gambaran positif kepada masa depan institusi kehakiman Syariah di negara kita. Pada asasnya peruntukan yang telah wujud kesan daripada pindaan ini jelas semakin mengiktiraf kedudukan Mahkamah Syariah walaupun dalam beberapa keadaan tertentu, penambahbaikan masih perlu dilakukan.

UNDANG-UNDANG ISLAM DAN PERANAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM KANUN TANAH NEGARA 1965

Pemakaian seksyen 340(4)(b) Kanun Tanah Negara 1965

Secara sedar ataupun tidak, undang-undang Islam sememangnya wujud dan telah diserap masuk ke dalam peruntukan Kanun Tanah Negara 1965. Mengikut kronologi peredaran masa, terdapat beberapa sumber undang-undang yang menjadi asas kepada undang-undang tanah di Malaysia iaitu undang-undang adat, undang-undang Islam, undang-undang Inggeris, Kanun Tanah Negara (teras utama sistem *Torrens*) dan beberapa undang-undang bertulis yang lain (Salleh Buang 2003). Oleh yang demikian, berdasarkan kepada fakta ini, prinsip pemakaian undang-undang Islam

telah diiktiraf sebagai satu asas ke dalam sistem tanah negara dan perlu diberi peluang untuk mendapat pelaksanaan yang sewajarnya.

Terdapat peruntukan undang-undang yang membuka peluang interpretasi undang-undang Islam dalam Kanun Tanah Negara. Antaranya, seksyen 340 (4) (b) memperuntukkan bahawa ‘pelaksanaan undang-undang’ boleh menjadi pengecualian kepada prinsip ke tidak boleh sangkalan (*indefeasibility of title*). Frasa ‘pelaksanaan undang-undang’ ini boleh ditafsirkan juga sebagai pelaksanaan undang-undang Islam sepertimana yang dapat dilihat di dalam satu kes yang telah didengar di Mahkamah Tinggi Kangar iaitu *Rosinah binti Abdul Majid dan Azmi bin Abdul Majid (sebagai wakil yang sah kepada Pah binti Abdull) lwn. Norsiah binti Yob dan Noraini binti Yob* (Mahkamah Tinggi Kangar, Saman Pemula No. 24-26-2007, tarikh keputusan 6 November 2008). Di dalam kes ini, plaintif iaitu Pah binti Abdullah yang mempunyai tujuh orang anak, iaitu lima daripadanya hasil daripada perkahwinan dengan suami pertamanya manakala dua lagi iaitu kedua-dua defendan adalah hasil perkahwinan dengan suami keduanya telah membuat pindah milik sebidang tanah kepada kedua-dua defendan melalui hibah. Walau bagaimanapun, plaintif kemudiannya telah menukar fikiran dan ingin menarik balik pemberian hibah tersebut bagi tujuan membahagikan tanah tersebut secara sama rata kepada ketujuh-tujuh orang anaknya. Plaintif kemudiannya telah berjumpa dengan peguamnya untuk menyediakan perjanjian hibah dan telah ditandatangani penerimaannya oleh kelima-lima anaknya kecuali dua orang defendan. Oleh kerana menemui jalan buntu kerana keingkaran defendan-defendan untuk menyerahkan kembali tanah tersebut untuk dibahagikan bersama kelima-lima anaknya yang lain, plaintif telah memfailkan tindakan. Walau bagaimanapun, belum sempat kes tersebut diselesaikan, plaintif telah meninggal dunia dan tindakan itu telah diteruskan oleh dua orang anaknya. Peguam plaintif dalam kes ini telah berhujah bahawa permohonan plaintif adalah berasaskan kepada seksyen 340(4)(b) Kanun Tanah Negara yang menyatakan bahawa penamatan mana-mana hak milik atau kepentingan dengan pelaksanaan undang-undang boleh menjadi pengecualian bagi prinsip ke tidak boleh sangkalan melalui pendaftaran yang memberikan hak milik atau kepentingan. ‘Pelaksanaan undang-undang’ yang dirujuk di dalam seksyen tersebut ialah undang-undang Islam berkaitan hibah iaitu hak bagi seseorang ibu bapa menarik balik hibahnya. Pihak defendan pula telah menghujahkan bahawa mereka bersetuju dengan seksyen 340(4)(b) yang memperuntukkan bahawa ‘pelaksanaan undang-undang’ sebagai pengecualian kepada prinsip ke tidak boleh sangkalan, namun mempersoalkan tentang adakah undang-undang Islam (iaitu mengenai hibah) boleh diguna pakai bagi maksud ruang lingkup perkataan ‘pelaksanaan undang-undang’ di dalam seksyen ini.

Setelah mendengar penghujahan-penghujahan yang telah diberikan, mahkamah telah memutuskan bahawa maksud ‘pelaksanaan undang-undang’ dalam pengecualian (4)(b) kepada seksyen 340 Kanun Tanah Negara adalah amat luas skopnya bersesuaian dengan kata-kata hakim di dalam kes *Krishnadas A/L Achutan Nair v Maniyam A/L Samykano* [1999] 1 AMR 997. Hakim Gopal Sri Ram telah menyatakan pada muka surat 1005:

In our judgment, Parliament enacted section 340(4)(b) for the purpose of dealing with fact patterns that do not fall squarely within the other exceptions to indefeasibility that appear in the second sub-section to section 340 of the Code. While recognizing that it is neither possible, nor desirable to predict with any degree of certainty the wide range of cases that, while failing to come within the vitiating categories specified by sub-section, may yet come within the scope of section 340(4)(b),...

Oleh yang demikian, mahkamah telah bersetuju bahawa maksud 'pelaksanaan undang-undang' dalam pengecualian (4)(b) kepada seksyen 340 Kanun Tanah Negara yang luas skopnya boleh meliputi dan merangkumi Undang-undang Adat (sepertimana di dalam kes *Abdullah Hamid bin Saad lwn Aliyasak bin Ismail* [1999] 1 AMR 105) dan Undang-undang Islam (seperti di dalam kes *Re Dato Bentara Luar* [1982] 2 MLJ 264). Sehubungan dengan itu, mahkamah telah memerintahkan bahawa pindah milik yang telah dibuat secara hibah oleh plaintif kepada defendan-defendan hendaklah dibatalkan dan selanjutnya tanah yang dikembalikan kepada plaintif dipindah milik secara hibah kepada ketujuh-tujuh anak plaintif dengan adil dan sama rata.

Pemakaian undang-undang Islam dalam Kanun Tanah Negara bagi isu untuk memberikan hak seseorang terhadap harta miliknya (sepertimana yang menjadi salah satu asas kepada prinsip syariah iaitu untuk melindungi harta seseorang) di dalam kes ini adalah satu langkah yang wajar kerana ia melibatkan hukum Islam yang perlu dipatuhi. Walaupun forum yang mendengar dan membicarakan kes ini bukan Mahkamah Syariah, namun ia patut dipuji kerana Mahkamah Sivil telah menggunakan kuasa dan bidang kuasa yang diberikan kepadanya bagi tujuan mengangkat undang-undang Islam.

Pemakaian Seksyen 421 (A) Kanun Tanah Negara

Selain daripada seksyen 340(4)(b), peruntukan yang dianugerahkan kepada Mahkamah Syariah melalui pindaan seksyen 421(A) Kanun Tanah Negara 1965 pada tahun 1992 merupakan satu pengiktirafan jelas kepada Mahkamah Syariah. Melalui seksyen ini, Mahkamah Syariah telah diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah yang berkaitan dengan harta orang-orang Islam yang berkaitan dengan tanah. Ia adalah merupakan satu ruang yang cukup baik sebagai penyelesaian kepada masalah penurunan dan pembahagian hartanah yang tidak mematuhi peruntukan pindah milik di bawah Kanun Tanah Negara. Pindaan seksyen tersebut dibuat bertujuan bagi memperluaskan dan mengiktiraf Mahkamah Syariah melalui kuasa yang diberikan kepada hakim Mahkamah Syariah yang sebelum ini hanya boleh diberikan oleh hakim Mahkamah Sivil. Menerusi pemakaian seksyen ini, hakim yang memutuskan pertikaian mengenai hartanah boleh memberikan perintah kepada Pendaftar atau Pentadbir Tanah untuk

mendaftarkan pindah milik hartanah yang dibuat melalui mekanisme pengagihan harta secara Islam seperti hibah, wasiat, pusaka, harta sepencarian dan wakaf jika berpendapat bahawa penurunan harta tersebut mematuhi semua rukun yang telah ditetapkan walaupun tanpa proses pindah milik seperti yang dikehendaki di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Aplikasi seksyen ini telah dipakai dengan agak meluas oleh hakim Mahkamah Syariah yang mendengar pertikaian. Hakikat ini digambarkan di dalam keputusan yang telah dibuat di dalam beberapa kes iaitu seperti *Salmiah binti Che Hat lwn Zakaria bin Hashim* (JH, Jld 14 Bhg 1 & 2, 2001, hlm. 79-87); *Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Seh bin Mohd Ali dan Abdul Razak bin Mohamad* (JH, Jld XVI Bhg II, 1424H, Dis 2003, hlm. 189); serta *Poolimahee Rajeswary @ Fatimah binti Baba lwn Meah binti Hussain* (JH, Jld XIX/I, Bhg I, 1426H, Feb 2005, hlm. 164-170).

Kesemua kes-kes berikut adalah melibatkan pertikaian pemberian tanah secara hibah yang tidak dipindah milik semasa hayat pemberi hibah mengikut Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, hakim Mahkamah Syariah kemudiannya setelah mengesahkan kewujudan pemberian harta-harta tersebut secara hibah, telah mengarahkan pertukaran hak milik mengguna pakai kuasa yang ada pada beliau. Selain daripada itu, penghakiman di dalam kes *Wan Mahmud bin Wan Abdul Rahman & 3 yang lain lwn Aminah binti Hj. Taib & 2 yang lain* (JH, Jld XVIII/II, 1425H, Dis 2004, hlm. 331-336) juga turut memperlihatkan situasi serupa. Hakim dalam membuat keputusannya di dalam kes ini pada akhir penghakimannya telah mengeluarkan perintah kepada Pentadbir Tanah Jajahan Kota Bharu supaya menukar hak milik sesetengah bahagian tanah tersebut kepada responden-responden yang terlibat. Peruntukan di dalam seksyen ini juga telah diberikan pengiktirafan yang sewajarnya oleh Mahkamah Sivil sepertimana yang dapat dilihat di dalam kes *Hjh Amin @ Che Tom Kassim lwn Hj Abdul Rashid Abd Hamid* (1993) 2 MLJ 338 yang melibatkan harta sepencarian yang juga tertakluk kepada undang-undang Islam. Di dalam kes ini, plaintif telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk satu deklarasikan bahawa tanah yang diperolehi daripada defendan dalam perintah Mahkamah Syariah selepas perceraian dipindahkan ke atas namanya dengan alasan Mahkamah Syariah tidak berupaya menguatkuasakan sepenuhnya perintah tersebut kerana kekurangan prosedur, badan penguatkuasaan dan kuasa yang terdapat di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak adalah terhad. Mahkamah telah membuat keputusan bahawa Mahkamah Syariah boleh mengarahkan defendan menyempurnakan pindah milik tanah tersebut jika ada permohonan dibuat oleh plaintif dan jika defendan ingkar mematuhi arahan itu, ia boleh dikuatkuasakan dengan satu perintah pengkomitan. Selain daripada itu, Mahkamah Syariah juga mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan Pendaftar atau Pentadbir Tanah melaksanakan perintahnya di bawah seksyen 417(1) Kanun Tanah Negara sekiranya ada permohonan demikian.

Melalui seksyen ini, adalah diharapkan agar Mahkamah Syariah akan lebih bersedia untuk membuat keputusan dalam kes-kes yang melibatkan hartanah orang Islam memandangkan ia merupakan forum yang paling sesuai kerana jika permasalahan berkenaan hartanah melalui mekanisme pengagihan harta secara Islam dibuat di Mahkamah Sivil, ia boleh menimbulkan masalah. Ini adalah selaras dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Farid Sufian Shuaib, Tajul Aris Bustami & Mohd Hisham Mohd Kamal (2001) yang telah menyebut:

Application of Islamic law in Civil Court may also create problem of proper interpretation of Islamic law. In the absence of any expert on Islamic law on the Bench, there appears to be the problem of identifying relevant principles of Islamic law and applying such principles... Civil court judges would unavoidably expand hukum syarak based on civil cases and statutory provision. No reference would be made to the authoritative sources of Islamic law.

Di samping itu, perkara ini juga pernah diakui oleh hakim Mahkamah Sivil di dalam kes *Re Dato Bentara Luar Decd.* [1982] 2MLJ 264 dalam kenyataan beliau seperti berikut:

The validity or otherwise of this wakaf must be determined solely by reference to the Muslim law as understood, observed and interpreted by Muslim scholars trained and learned in the jurisprudence of Syariah law.

Justeru itu, Mahkamah Syariah perlu diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskan perkara-perkara berkaitan tanah di bawah Kanun Tanah Negara yang melibatkan pengurusan tanah menurut hukum Islam seperti hibah, wasiat, wakaf, pusaka dan harta sepencarian. Kuasa inilah yang telah dimanifestasikan dalam seksyen 421(A) Kanun Tanah Negara.

KESIMPULAN

Sungguhpun terdapat beberapa kekurangan tertentu, usaha-usaha yang telah dibuat telah menempatkan Mahkamah Syariah di landasan yang betul, sekali gus memberi nafas baru kepada perjuangan memartabatkan semula institusi kehakiman Syariah di negara kita yang melibatkan perundangan tanah negara. Hasilnya, pada asasnya pengiktirafan dan pindaan yang dibuat jelas memberi bayangan kepada suatu perkembangan yang amat positif kepada Mahkamah Syariah bagi memperkukuhkan kedudukannya. Ia secara tidak langsung walaupun bukan seratus-peratus, telah membuktikan bahawa kesedaran tentang kepentingan mengaplikasikan perundangan Islam semakin meluas walaupun dalam ruang yang agak terhad. Walau bagaimanapun, usaha yang berterusan amat perlu dilakukan bagi mencapai hasrat memartabatkan undang-undang Islam dalam pelbagai aspek kehidupan orang Islam.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. 1997. Land Law from Islamic and Traditional Perspective. Kertas Kerja *National Conference on Land - Emerging Issues and Challenges*. Anjuran Consumer Association of Penang (CAP), RECSAM. Pulau Pinang, 12-15 Disember.
- Ahmad Ibrahim. 1989. The Amendment of Article 121(1A) of the Federal Constitution: Its effect on administration of Islamic Law. 2 *MLJ*: xvii.
- Ahmad Ibrahim. 1997. Kedudukan Undang-undang Islam di Malaysia. *Jurnal Hukum* Jld XI Bhg I: 119.
- Aminuddin Bin Awang Derani. Kes-kes Tertanggung di Mahkamah Syariah Pahang, Latihan Ilmiah Untuk Memperolehi Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Kulliyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1993/1994.
- C.R Tyser, D.G. Demetriades. 2003. *The Mejelle* (English Translation of *Majallah el-Ahkam-Adliya*). Kuala Lumpur: The Other Press.
- Farid Sufian Shuaib, Tajul Aris Bustami & Mohd Hisham Mohd Kamal. 2001. *Administration of Islamic Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, hlm. 81.
- Mohd Al Adib bin Samuri. 2006. Bidang Kuasa Memicara Bagi Kes Berkaitan Wakaf dan Harta Pusaka di Mahkamah Sivil: Analisis Kes Selepas Pindaan Perkara 121(1A), Perlembagaan Persekutuan. Dlm. Zamzuri Zakaria, Siti Zalkhah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad, Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*.
- Narizan Abdul Rahman. 2006. Bidang Kuasa Mahkamah dan Konflik Perundangan. Dlm. Ahmad Hidayat Buang (pnyt.). *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran Alaf Baru*, hlm. 47-69. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- R.H Hickling dan Wu Min Aun. 1995. *Conflict of Laws in Malaysia*. Singapura: Butterworths Asia.
- Salleh Buang. 2003. Kanun Tanah Negara 1965 Dan Pelbagai Undang-undang Berkaitan Tanah : Satu Tinjauan. Kertas Kerja *Seminar Pentadbiran dan Perundangan Tanah Semenanjung Malaysia Untuk Pegawai Daerah/ Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia*. Anjuran INSTUN. Century Mahkota Hotel Melaka, 15 & 16 Disember.

- Sihombing, Judith. 1992. *The National Land Code, A Commentary*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd. Hisham Mohd. Kamal & Farid Sufian, 2005. *Menyusuri Kesan Pindaan Perlembagaan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Zaini Nasohah. 2004. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.